

The Relationship between Empathy and Prosocial Behaviors among University Engineering Students

Hubungan antara Empati dengan Tingkah laku Prosocial dalam kalangan Pelajar Kejuruteraan Universiti

Nur Fatin Afifah Mohd Sukeri^a, Mastura Mahfar^{b*}, Mohammad Saipol Mohd Sukor^a

^a*School of Human Resource Development and Psychology, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

^b*School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Corresponding author: mastura@utm.my

Article history: Received: 28 June 2021 Received in revised form: 11 July 2021 Accepted: 25 July 2021 Published online: 05 August 2021

Abstract

Prosocial behavior is any form of act or activity that is intended to help or give another person the benefit without expecting any reward. One of the factors that can contribute to prosocial behavior is empathy. This study was conducted to identify the relationship between empathy and university students' prosocial behaviors at one of the schools of engineering. A total of 94 fourth-year engineering students were selected by employing a simple random sampling method in this study. The Interpersonal Reactivity Index (IRI), and the Prosocial Tendencies Measure (PTM) questionnaires were used to measure empathy and prosocial behavior. The study used descriptive statistical analysis through scores, mean and frequency to measure the level of empathy and prosocial behavior, while inferential statistics used t-test to measure differences in prosocial behavior by gender, and Pearson's correlation to identify the relationship between empathy and prosocial behavior. The findings of the study show that the levels of empathy and prosocial behavior of the respondents are moderate. There was no significant difference of prosocial behavior based on gender. Correlation analysis revealed that there was a relationship between empathy and prosocial behavior. All the dimensions of empathy which are "fantasy", "perspective-taking", "empathic concern" and "personal distress" have significant positive relationships with prosocial behavior.

Keywords: Empathy, prosocial behavior, university students, school of engineering

Abstrak

Tingkah laku prososial merupakan apa sahaja tindakan atau aktiviti yang dilakukan bertujuan bagi membantu atau memberi manfaat kepada individu lain tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Antara faktor yang boleh menyumbang kepada tingkah laku prososial ialah empati. Kajian ini dilaksanakan bertujuan bagi mengenal pasti hubungan antara empati dan tingkah laku prososial pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan. Seramai 94 pelajar kejuruteraan tahun empat telah dipilih dalam kajian ini melalui kaedah persampelan sampel rawak mudah. Soal selidik *Interpersonal Reactivity Index* (IRI) dan *Prosocial Tendencies Measure* (PTM) telah digunakan bagi mengukur empati dan tingkah laku prososial. Kajian ini menggunakan analisis statistik deskriptif melalui skor, min dan kekerapan bagi mengukur tahap empati dan tingkah laku prososial, manakala statistik inferensi menggunakan ujian-t tidak bersandar bagi mengukur perbezaan tingkah laku prososial berdasarkan jantina, dan korelasi Pearson pula bagi mengenal pasti hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial. Keputusan kajian menunjukkan tahap empati dan tingkah laku prososial responden adalah sederhana. Manakala, tidak terdapat perbezaan signifikan bagi tingkah laku prososial berdasarkan jantina. Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial. Kesemua dimensi empati, iaitu "fantasi", "pengambilan perspektif", "keprihatinan empati", dan "kesusahan peribadi" juga mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial.

Kata kunci: Empati, tingkah laku prososial, pelajar universiti, sekolah kejuruteraan

© 2021 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Perkataan prososial telah dicipta oleh saintis sosial yang digunakan untuk menunjukkan kata lawan bagi perkataan anti sosial. Tingkah laku prososial merupakan suatu ruang lingkup perbuatan yang bertujuan untuk memberi manfaat kepada seorang individu atau lebih daripada seorang individu berbanding dengan memberi manfaat kepada diri sendiri. Antara contoh tingkah laku prososial adalah seperti membantu, mendamaikan, berkongsi, bekerjasama, melaksanakan kebajikan dan aktiviti perkhidmatan komuniti (Kruglanski & Stroebe, 2012).

Menurut Tagar (2014), tingkah laku prososial sering dikaitkan dengan ciri empati. Empati merupakan suatu evolusi manusia dan kapasiti untuk mengenali individu lain melalui pandangannya yang berbeza dan memahami individu lain secara lebih mendalam. Sebelum bermulanya penggunaan perkataan “empati”, masyarakat mampu bertahan hidup kerana biasanya, masyarakat dilihat memahami antara satu sama lain, hidup dalam satu suku kaum yang sama, mempunyai pertalian darah, agama, tradisi dan kewarganegaraan yang sama. Justeru, selagi mana masyarakat masih bersatu pada waktu itu, mereka tidak memerlukan empati sebagai satu sifat yang perlu ada dalam diri setiap individu.

Namun begitu, sikap atau perasaan individualistik yang semakin menonjol dan menguasai diri telah menjadikan semangat kekitaan menjadi semakin pudar masa kini. Banyak kajian yang telah membuktikan bahawa sifat individualistik dalam masyarakat Asia telah meningkat secara mendadak pada empat hingga kelima dekad kebelakangan ini kerana pembangunan ekonomi yang berterusan (Han, 2017). Proses individualistik telah menjadi satu normalisasi dalam kalangan manusia. Sikap individualistik dalam kalangan masyarakat Asia juga semakin menebal akibat pengaruh Barat. Isu ini bakal memberi kesan kepada tingkah laku prososial seseorang individu kepada individu lain kerana hal ini amat bergantung kepada sifat empati individu tersebut (Han, 2017).

Dalam situasi kecemasan yang berlaku pada diri seseorang individu, terdapat individu lain yang sanggup untuk menghulurkan bantuan dan bertingkah laku prososial. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, ramai individu yang tidak membantu, terutamanya apabila mereka menyedari bahawa terdapat ramai individu lain berada di tempat sesuatu kejadian (Hortensius & Gelder, 2018). Kecenderungan mereka untuk bertindak balas menghulurkan bantuan adalah agak lambat berbanding dengan individu yang mengetahui bahawa hanya mereka sahaja yang benar-benar sedar tentang kesusahan yang dialami oleh individu lain (Garcia, Weaver, Moskowitz, & Darley, 2002).

Kajian terhadap pembangunan masyarakat dan pelajar kolej di Amerika, misalnya telah mendapati bahawa pelajar kejuruteraan didapati kurang menunjukkan komitmen dalam aktiviti sosial kerana Sax (2004) menyatakan bahawa pelajar kejuruteraan lebih tinggi pendedahan mereka terhadap perkara yang berbentuk material dan lebih bersikap konservatif. Hal ini menyebabkan kurangnya perhatian dan sikap ambil berat mereka terhadap masyarakat yang lebih besar. Selain itu, kajian oleh Canney dan Bielefeldt (2015) ke atas pelajar kejuruteraan mendapati bahawa tahap tanggungjawab sosial adalah lebih didominasi oleh pelajar perempuan berbanding dengan pelajar lelaki. Pelajar perempuan kejuruteraan juga didapati lebih kerap menyertai aktiviti kesukarelawanan daripada pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, kajian oleh Shahirah, Azlina dan Nobaya (2018) pula menunjukkan perbezaan dapatan, iaitu pelajar lelaki mempunyai tahap tingkah laku altruistik, iaitu mengutamakan kesenangan orang lain berbanding dengan diri sendiri yang lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Seterusnya, terdapat beberapa kajian lepas yang membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara empati dengan tingkah laku prososial. Kajian terhadap pelajar psikologi di Universiti Kansas, Amerika Syarikat menunjukkan bahawa terdapat kadar tingkah laku prososial yang tinggi dalam kalangan responden yang berempati, sekalipun mereka berada dalam situasi yang tidak dipengaruhi oleh orang lain untuk membantu (Stocks, Lishner & Decker, 2009). Kajian lain juga menunjukkan hubungan signifikan yang positif antara empati dengan tingkah laku prososial pelajar (Anisa Oktaviani, 2016) dan jururawat di Indonesia (Khusnul Kamalia & Choirul Anam, 2019). Namun begitu, kajian lain yang dijalankan ke atas sukarelawan mendapati bahawa tidak terdapat hubungan signifikan yang positif antara empati dengan tingkah laku prososial (Mur’atus Sholihah, 2016).

Keputusan kajian yang berbeza dari segi hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial, tingkah laku prososial berdasarkan jantina dan begitu juga dengan kesedaran empati dan tingkah laku prososial pelajar kejuruteraan yang masih rendah, telah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian yang berkaitan dengan hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan. Pengkaji sehingga kini juga masih belum menemui sebarang kajian seumpamanya yang dijalankan ke atas pelajar kejuruteraan di universiti tersebut.

Objektif Penyelidikan

Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap empati yang dimiliki oleh pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan.
- ii. Mengenal pasti tahap tingkah laku prososial pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan.
- iii. Mengenal pasti perbezaan tahap tingkah laku prososial berdasarkan jantina pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Empati

Empati merupakan suatu ciri yang terdapat dalam diri seseorang individu yang terbentuk berdasarkan pengalaman yang telah dirasai (Puspita & Gumelar, 2014). Sebagai contoh, pengalaman dialami yang memberi kesan kepada diri individu telah mendorongnya untuk melakukan tindakan yang memerlukan bantuan dan mendorong seseorang itu mengambil keputusan untuk bertindak (Puspita & Gumelar, 2014). Berdasarkan sudut klinikal, Larson dan Yao (2005) menyatakan bahawa empati merupakan suatu bentuk “pelaburan emosi” apabila individu memerlukan tindakan yang mendalam dengan mengekspresikan emosi yang sebenar, seperti mempamerkan semangat dan mengambil berat, walaupun sebenarnya individu itu tidak mengalaminya.

Terdapat juga pengkaji seperti Rogers (1951) yang menetapkan definisi empati kepada dua konsep, iaitu menilai pemikiran dalam orang lain secara tepat dan memahami individu lain seakan-akan mereka telah “memasuki” ke dalam “dunia” individu tersebut sehingga boleh merasai dan mengalami pengalaman yang sedang dilaluinya. Dengan kata lain, empati merupakan suatu perbuatan yang lebih aktif berbanding dengan simpati. Namun, individu hendaklah “tanpa kehilangan identiti dirinya sendiri” apabila berempati kerana sejauh mana seseorang individu menempatkan dirinya ke dalam posisi individu lain, hendaklah dia mampu mengawal dirinya dalam situasi tersebut (Rogers, 1951). Memahami empati merupakan suatu proses yang aktif yang melibatkan perasaan ingin tahu tentang orang lain secara keseluruhan melalui kesedaran yang dimilikinya pada masa kini (Rogers, 1951).

Pendekatan Kepelbagaian Dimensi (*Multi-Dimensional Approach*) merupakan satu model yang diilhamkan oleh Davis (1980) yang merujuk kepada kepelbagaian dimensi empati dalam diri seseorang individu. Antara kelebihan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah ia mampu mengukur pelbagai aspek dalam empati, termasuklah dua komponen penting empati, iaitu komponen kognitif dan komponen afektif. Model ini juga telah digunakan dalam kajian-kajian lepas bagi mengukur keadaan klinikal yang boleh memberi kesan kepada fungsi sosial, emosi dan juga pembangunan tingkah laku prososial seseorang individu (Quince et al., 2016).

Berdasarkan pendekatan Kepelbagaian Dimensi ini, terdapat empat dimensi penting dalam empati, iaitu (1) “fantasi” (*fantasy*) merujuk seseorang individu yang mampu untuk meletakkan diri mereka ke dalam sesuatu situasi secara berimajinasi, (2) “pengambilan perspektif” (*perspective-taking*) yang menekankan sejauh mana kemampuan manusia untuk memahami perspektif individu lain secara spontan, (3) “keprihatinan empati” (*emphatic concern*), iaitu perasaan kasih sayang dan ambil berat terhadap individu lain, dan (4) “kesusahan peribadi” (*personal distress*), iaitu perasaan diri individu yang berkaitan dengan kebimbangan terhadap situasi negatif atau kesukaran yang dialami oleh individu lain (Davis, 1980).

Secara kesimpulan, empati merupakan suatu ciri emosi mendalam yang meletakkan diri seseorang individu ke dalam situasi yang dialami oleh individu lain tanpa sesekali mengubah jati diri sendiri. Hal ini akan mendorong kepada pelbagai tindak balas positif yang lain. Model yang digunakan oleh pengkaji ini juga mampu untuk mengukur dua aspek penting dalam empati, iaitu secara kognitif dan emosi (Baldner & McGinley, 2014).

Tingkah laku Prososial

Adam Smith dalam teori Sentimen Moral (*theory of Moral Sentiments*), telah membezakan antara “tingkah laku prososial normal” dengan “tingkah laku prososial luar biasa” (Futamura, 2018). Tingkah laku prososial normal merupakan tingkah laku yang mempamerkan permintaan yang tinggi dalam sudut sosiobudaya dan situasinya. Bantuan yang diperlukan juga dipamerkan dengan jelas dan orang ramai akan mudah terlibat pada kebiasaannya. Hal ini berbeza dengan tingkah laku prososial luar biasa, iaitu situasi dan sosiobudaya yang tidak menunjukkan permintaan yang tinggi dan bantuan yang diperlukan juga adalah samar-samar dan hanya disertai oleh bilangan individu yang sedikit, tidak seperti tingkah laku prososial normal (Futamura, 2018).

Sebagai contoh, Lin-Healy dan Small (2012) telah melaksanakan kajian tentang perbandingan tingkah laku prososial antara individu yang menyalurkan sumbangan kebajikan kerana kepentingan sendiri dengan individu yang menyumbang tanpa apa-apa kepentingan tertentu. Keputusan kajian mendapati bahawa individu yang menyumbang tanpa apa-apa kepentingan tertentu didapati lebih cenderung untuk bertindak secara prososial pada masa akan datang berbanding dengan individu yang mempunyai kepentingan tertentu. Melalui kajian ini juga, individu yang tiada apa-apa kepentingan dalam tingkah laku prososialnya, iaitu dalam kategori tingkah laku prososial luar biasa mempunyai kemungkinan untuk melakukan aktiviti prososial pada masa akan datang adalah lebih tinggi berbanding dengan tingkah laku prososial normal, iaitu individu yang bertindak prososial kerana mempunyai kepentingan tertentu.

Model Keputusan untuk Membantu (*Decision Model of Helping*) yang diperkenalkan oleh Latane dan Darley (1970) telah digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti tingkah laku prososial. Model ini merupakan satu rangka proses yang menerangkan kenapa dan bagaimana seseorang individu, boleh membuat keputusan untuk menolong individu lain. Model ini juga dibentuk bagi membincangkan tentang individu yang memerhati atau dikenali sebagai *bystanders*. Terdapat lima proses atau langkah yang dikemukakan oleh Latane dan Darley dalam model ini, iaitu mengenal pasti masalah, menganggap situasi adalah kecemasan, membuat keputusan, bagaimana untuk membantu, dan bertindak.

Langkah pertama, seseorang individu itu akan mengenal pasti masalah yang sedang berlaku. Pemerhati atau *bystanders* perlu mengenal pasti suatu situasi yang sedang berlaku dalam suatu keadaan adalah di luar normal dan bukannya suatu kebiasaan untuk berlaku. Langkah kedua adalah, individu itu perlu menganggap bahawa kejadian yang berada di luar kebiasaan atau tidak normal itu adalah berbentuk kecemasan.

Langkah ketiga adalah seseorang individu perlu membuat keputusan sama ada situasi kecemasan itu mempunyai tanggungjawab terhadap dirinya untuk bertindak ataupun sebaliknya. Langkah keempat dan langkah kelima adalah mengambil keputusan bagaimana untuk membantu dan bagaimana untuk bertindak menghadapi situasi yang memerlukan pertolongan. Seseorang individu perlu membuat garis panduan sama ada perlu bertindak secara langsung atau bertindak dengan melaporkannya (Latane & Darley, 1970). Kesimpulannya, tingkah laku prososial merupakan suatu tindakan yang bersifat subjektif dan bergantung kepada situasi semasa persekitaran individu tersebut.

Perbezaan Tingkah laku Prososial Berdasarkan Jantina

Sarah dan Damasia (2016) telah melaksanakan kajian bagi mengkaji perbezaan pengaruh jantina dan jenis personaliti terhadap tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa di Universiti Katolik Soegijapranata, Semarang. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku prososial pelajar antara pelajar lelaki ($M=74.21$) dengan perempuan ($M=79.54$). Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa tahap tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

Manakala, kajian oleh Zhao, Li, Song dan Shi (2018) berkaitan dengan perihalan kesan ciri autistik terhadap tingkah laku prososial dan peranan pengantara kepelbagaian model empati. Kajian ke atas pelajar berbangsa Cina suku Han, Universiti Shanghai Normal mendapati bahawa tahap tingkah laku prososial yang ditunjukkan oleh pelajar perempuan juga lebih tinggi ($M=76.40$) berbanding dengan pelajar lelaki ($M=63.22$).

Kajian oleh Paul et al. (2018) seterusnya berkaitan dengan perbezaan tahap tingkah laku prososial berdasarkan jantina dalam kalangan pemain bola sepak Belanda. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemain bola sepak wanita adalah lebih cenderung untuk bertingkah laku prososial ($M=2.74$) daripada pemain bola sepak lelaki ($M=2.41$) dalam perlawanan tersebut.

Maka, hipotesis kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

H_{a1} : Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tingkah laku prososial berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan.

Hubungan antara Empati dan Tingkah laku Prososial

Kajian oleh Solekha, Atikah dan Istiqomah (2018) tentang faktor yang mempengaruhi empati terhadap tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah rendah menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara empati dengan tingkah laku prososial. Lockwood, Seara-Cordoso dan Viding (2014) dalam kajian mereka untuk mengukur empati, keperluan emosi dan tingkah laku prososial melibatkan responden seramai 110 pelajar universiti dan juga komuniti setempat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif antara empati dengan tingkah laku prososial responden. Kajian oleh Christ, Carlo & Stoltenberg (2016) pula mendapati bahawa tahap tingkah laku prososial altruistik dalam kalangan pelajar universiti dari Jabatan Psikologi di Midwestern University adalah tinggi.

Seterusnya, kajian yang dijalankan kepada pelajar sekolah menengah oleh Eberly-Lewis dan Coetzee (2015) pula mendapati bahawa empati dan ambil berat terhadap pandangan orang lain mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan respons emosi dan kecenderungan terhadap tingkah laku prososial. Dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan individu dalam menyokong kepelbagaian tingkah laku prososial.

Kajian oleh Kerper (2012) tentang ciri penyebab, persamaan, keberkesanan diri dan empati dalam kalangan tenaga pengajar di Universiti Radford mendapati bahawa sikap empati pengajar mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial. Semakin tinggi tahap empati yang ditunjukkan, maka semakin tinggi juga tahap tingkah laku prososial mereka. Menurut Batson (2011), individu yang mempunyai ciri atau perasaan empati yang tinggi adalah lebih cenderung untuk menolong orang lain dan seterusnya meningkatkan tingkah laku prososial dan mengurangkan sifat agresif mereka.

Kajian oleh Carlo, Mestre, Samperdan dan Tur-Porca (2010) menunjukkan bahawa pengambilan-perspektif (*perspective taking*), keprihatinan empati (*empathic concern*), pemikiran moral prososial (*prosocial moral reasoning*), tingkah laku prososial (*prosocial behavior*) didapati mempunyai hubungan signifikan yang positif antara satu sama lain, manakala terdapat hubungan signifikan yang negatif dengan sikap agresif.

Berdasarkan keputusan kajian lepas yang dikemukakan, terdapat beberapa hipotesis kajian yang telah dibentuk, iaitu:

- H_{a2}: Terdapat hubungan signifikan yang positif antara empati dengan tingkah laku prososial
- H_{a3}: Terdapat hubungan signifikan yang positif antara dimensi pengambilan-perspektif dengan tingkah laku prososial
- H_{a4}: Terdapat hubungan signifikan yang positif antara dimensi fantasi dengan tingkah laku prososial
- H_{a5}: Terdapat hubungan signifikan yang positif antara dimensi keprihatinan empati dengan tingkah laku prososial
- H_{a6}: Terdapat hubungan signifikan yang negatif antara dimensi kesusahan peribadi dengan tingkah laku prososial

3.0 METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang telah digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian deskriptif dan kajian korelasi. Menurut Dulock (1993), tujuan reka bentuk kajian deskriptif ini adalah untuk memberikan satu gambaran atau ciri yang tepat berkaitan dengan seseorang individu, situasi atau kumpulan dan kekerapan sesuatu fenomena itu berlaku. Oleh itu, kajian deskriptif telah digunakan bagi mengenal pasti tahap empati dan tingkah laku prososial responden kajian.

Kajian korelasi pula merupakan suatu metodologi yang menyediakan maklumat tentang hubungan sebenar sesuatu pemboleh ubah yang ingin dikaji (Raacke & Raacke, 2014). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian korelasi bagi mengenal pasti hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial.

Populasi dan Sampel

Populasi adalah merujuk kepada data keseluruhan individu atau unit yang ingin dikaji (Hanlon & Larget, 2011). Menurut Taheerdoost (2016), langkah utama dalam proses persampelan adalah mendefinisikan populasi sasaran dan populasi ini mempunyai perkaitan dengan bilangan individu yang tinggal di sesuatu tempat. Bagi memperoleh sampel kajian, pengkaji menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Persampelan rawak mudah merupakan suatu set sampel dalam populasi yang mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih (Press, 2008). Jadual Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan bagi mengenal pasti saiz persampelan dalam populasi. Seramai 94 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian daripada 120 jumlah populasi pelajar daripada sebuah program, di salah sebuah sekolah kejuruteraan di sebuah universiti.

Instrumen

Satu set soal selidik telah digunakan dalam kajian ini yang mempunyai kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A yang terdiri daripada soalan demografi yang mengandungi lima soalan, Bahagian B mengukur empati dan Bahagian C mengenai soalan tingkah laku prososial.

Soal selidik *Interpersonal Reactivity Index* (IRI) yang dibangunkan oleh Mark H. Davis (1980) digunakan bagi mengukur empati yang mengandungi 28 item. Soal selidik ini mempunyai empat dimensi empati, iaitu fantasi, pengambilan-perspektif, keprihatinan empati, dan kesusahan peribadi. Soal selidik *Prosocial Tendencies Measure* (PTM) oleh Carlo dan Randall (2002) pula digunakan untuk mengukur tingkah laku prososial yang mengandungi 23 item. Skor tertinggi dalam soal selidik kajian adalah skala 5 yang mewakili Sangat Menggambarkan Diri Saya dan skor terendah adalah skala 1 yang mewakili Langsung Tidak Menggambarkan Diri Saya.

Kajian rintis dilaksanakan kepada seramai 30 pelajar dari sebuah sekolah kejuruteraan di universiti yang sama. Hasil kajian rintis mendapati bahawa nilai alpha *Cronbach* bagi soal selidik *Interpersonal Reactivity Index* (IRI) adalah .81, manakala soal selidik *Prosocial Tendencies Measure* (PTM) pula menunjukkan nilai alpha *Cronbach*, iaitu .87. Kedua-dua nilai kebolehpercayaan yang diperoleh adalah baik dari segi konsistensi dalaman soal selidik.

Analisis Data

Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 21 telah digunakan bagi menganalisis hasil kajian. Bagi menganalisis dapatan kajian, statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan. Statistik deskriptif, iaitu min, frekuensi dan peratusan digunakan untuk menganalisis data demografi, tahap empati dan tingkah laku prososial responden kajian. Seterusnya, statistik inferensi, iaitu ujian-t tidak bersandar digunakan untuk membandingkan perbezaan min bagi tingkah laku prososial antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Kolerasi Pearson (r) pula digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis demografi bagi 94 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden terdiri daripada pelajar perempuan (63.8%) dan diikuti oleh pelajar lelaki iaitu 36.2%. Majoriti responden juga terdiri daripada pelajar yang berasal daripada etnik Melayu (76.6%) yang beragama Islam (79.8%).

Jadual 1 Analisis demografi (n=94 responden)

Pembolehubah	Frekuensi (f)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	34	36.2
Perempuan	60	63.8
Etnik		
Melayu	72	76.6
Cina	20	21.3
India	1	1.1
Lain-lain	1	1.1
Agama		
Islam	75	79.8
Kristian	1	1.1
Buddha	17	18.1
Lain-lain	1	1.1

Tahap Dimensi Empati

Jadual 2 menunjukkan min skor keseluruhan bagi dimensi empati bagi pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa dimensi “keprihatinan empati” mempunyai skor min yang tertinggi (M=3.69), iaitu pada tahap tertinggi, dan diikuti oleh “pengambilan perspektif” (M=3.32) dan “fantasi” (M=3.02). Manakala, skor min terendah ialah dimensi “kesusahan peribadi”, iaitu pada tahap sederhana (M=2.94). Tahap empati secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana (M=3.24).

Jadual 2 Tahap dimensi empati

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Fantasi	3.02	0.51	Sederhana
Pengambilan perspektif	3.32	0.38	Sederhana
Keprihatinan empati	3.69	0.48	Tinggi
Kesusahan peribadi	2.94	0.43	Sederhana
Keseluruhan empati	3.24	0.33	Sederhana

Berdasarkan analisis kekerapan dan peratusan, Jadual 3 menunjukkan tiada responden yang memperoleh tahap empati yang rendah. Majoriti responden didapati menunjukkan tahap empati yang sederhana, iaitu seramai 84 pelajar (89.36%) dan seramai 10 pelajar (10.64%) menunjukkan tahap empati yang tinggi.

Jadual 3 Tahap empati keseluruhan

Pembolehubah	Min	Tahap		
		Rendah f (%)	Sederhana f (%)	Tinggi f (%)
Keseluruhan Empati	3.24	0 (0%)	84 (89.36%)	10 (10.64%)

Tahap Tingkah Laku Prososial

Jadual 4 menunjukkan skor min keseluruhan bagi tingkah laku prososial. Keputusan analisis data menunjukkan bahawa skor min keseluruhan tingkah laku prososial responden adalah 2.60, iaitu berada pada tahap sederhana.

Berdasarkan analisis kekerapan dan peratusan, majoriti responden menunjukkan tahap tingkah laku prososial yang sederhana, iaitu seramai 62 pelajar (65.96%) dan tahap tingkah laku prososial yang tinggi pula seramai dua pelajar (2.13%). Masih terdapat responden yang menunjukkan tahap tingkah laku prososial yang rendah, iaitu seramai 30 pelajar (31.91%). Kesimpulannya, tingkah laku prososial responden berada pada tahap sederhana.

Jadual 4 Tahap Tingkah laku prososial

Pembolehubah	Min	Tahap		
		Rendah <i>f</i> (%)	Sederhana <i>f</i> (%)	Tinggi <i>f</i> (%)
Tingkah laku prososial	2.60	30 (31.91%)	62 (65.96%)	2 (2.13%)

Perbezaan Tahap Tingkah Laku Prososial dari segi Jantina

Jadual 5 menunjukkan sampel tidak bersandar ujian-t bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tingkah laku prososial berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan.

Berdasarkan penemuan kajian, tidak terdapat perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi tingkah laku prososial. Hal ini demikian kerana nilai *p* yang diperoleh lebih besar daripada .05 seperti yang ditetapkan. Perbezaan skor min bagi pelajar lelaki dan perempuan juga adalah kecil, iaitu hanya 0.12. Kesimpulannya, hipotesis H_{a1} yang menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tingkah laku prososial berdasarkan jantina adalah ditolak.

Jadual 5 Sampel tidak bersandar ujian-t berdasarkan jantina

Kumpulan	N	Min	t	p
Lelaki	34	2.6701	1.339	.250
Perempuan	60	2.5528		

* Signifikan pada $p \leq .05$

Hubungan antara Dimensi Fantasi, Pengambilan Perspektif, Keprihatian Empati dan Kesusahan Peribadi dengan Tingkah Laku Prososial

Jadual 6 menunjukkan hubungan korelasi antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa semua dimensi empati mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan, iaitu dimensi “fantasi” ($r=0.24$; $p \leq .05$), “pengambilan perspektif” ($r=0.53$; $p \leq .05$), “keprihatinan empati” ($r=0.34$; $p \leq .05$), dan “kesusahan peribadi” ($r=0.34$; $p \leq .05$). Oleh itu, hipotesis kajian, iaitu H_{a3} , H_{a4} , H_{a5} , dan H_{a6} adalah diterima. Secara keseluruhan, terdapat hubungan signifikan yang positif antara empati dengan tingkah laku prososial ($r=0.48$; $p \leq .05$) dalam kalangan responden kajian, iaitu hipotesis H_{a2} adalah diterima.

Jadual 6 Korelasi antara dimensi empati dengan tingkah laku prososial

	Tingkah laku prososial	
	r	p
Fantasi	0.24	0.02*
Pengambilan perspektif	0.53	0.00*
Keprihatinan empati	0.34	0.00*
Kesusahan peribadi	0.34	0.00*
Keseluruhan empati	0.48	0.00*

* Korelasi signifikan pada aras $p \leq .05$

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Perbincangan Tahap Empati Pelajar Universiti di Sebuah Sekolah Kejuruteraan

Objektif kajian yang pertama bertujuan untuk mengenal pasti tahap empati pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai tahap sederhana bagi keseluruhan empati. Manakala, semua dimensi empati, iaitu “fantasi”, “pengambilan perspektif”, “keprihatinan empati”, dan “kesusahan peribadi” juga menunjukkan tahap sederhana.

Bagi dimensi “keprihatinan empati” yang memperoleh tahap tinggi antara dimensi menunjukkan responden mempunyai perasaan sangat mengambil berat atau prihatin terhadap kesukaran yang dialami oleh orang lain. Hal ini dibuktikan dengan majoriti responden didapati sangat tidak bersetuju dengan salah satu pernyataan item, iaitu “*Kesusahan orang lain bukanlah masalah untuk saya*”. Menurut Petry (2017), “keprihatinan empati” merupakan salah satu jenis empati yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan dan terdapat motivasi di sebalik tindakan itu untuk mengurangkan kesusahan atau penderitaan yang dialami oleh individu lain. Hal ini menunjukkan tahap tinggi dalam dimensi “keprihatinan empati” responden, terutamanya apabila bertingkah laku secara prososial.

Di samping itu, dapatan kajian bagi dimensi “pengambilan perspektif” memperoleh tahap sederhana yang menunjukkan bahawa keupayaan responden untuk memahami “dunia” atau perspektif orang lain adalah sederhana. Salah satu item, iaitu “*Saya melihat diri saya sebagai seorang yang meletakkan diri dalam situasi orang lain sebelum mengkritik mereka*” menunjukkan responden bersetuju dengan pernyataan yang mewakili dimensi tersebut. Menurut Healey & Grossman (2018), “pengambilan perspektif” ini bersifat kompleks dan membolehkan seseorang individu itu untuk mengenal pasti dan menghargai pandangan individu lain sama ada mempunyai pandangan yang sama atau berbeza daripadanya.

Dimensi “fantasi” juga memperoleh tahap sederhana yang menunjukkan bahawa keupayaan responden yang sederhana apabila meletakkan diri mereka ke dalam sesuatu peristiwa yang berlaku secara berimajinasi. “Fantasi” merupakan suatu kecenderungan apabila seseorang itu berimajinasi dengan meletakkan diri mereka dalam situasi fiksiyen, terutamanya seperti buku, wayang dan mimpi (Davis, 1980).

Walaupun dimensi terakhir, iaitu “kesusahan peribadi” juga memperoleh tahap sederhana, namun skor min adalah terendah antara semua dimensi. “Kesusahan peribadi” dikaitkan dengan perasaan diri responden terhadap kesukaran atau kebimbangan tentang situasi negatif yang dialami oleh individu lain. Kebanyakan responden juga kurang bersetuju dengan pernyataan item, iaitu “*Saya cenderung bersikap tenang apabila melihat seseorang dalam kesakitan*”. “Kesusahan peribadi” merupakan satu kecenderungan individu untuk merasa sakit atau bimbang apabila melihat kesedihan yang dialami oleh orang lain (Kim & Han, 2017).

Secara keseluruhan, empati responden dalam kajian ini berada pada tahap sederhana, manakala, semua dimensi empati, iaitu “fantasi”, “pengambilan perspektif”, “keprihatinan empati”, dan “kesusahan peribadi” juga menunjukkan tahap yang sederhana.

Perbincangan Tahap Tingkah Laku Prosocial Pelajar Universiti di Sebuah Sekolah Kejuruteraan

Objektif kajian kedua adalah untuk mengenal pasti tahap tingkah laku prososial pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan. Analisis yang telah ditunjukkan mendapati skor min bagi tingkah laku prososial adalah berada pada tahap sederhana.

Menurut Gupta & Thapliyal (2015), antara kategori tingkah laku prososial adalah melibatkan sikap ambil berat, tolong-menolong, berkongsi dan menunjukkan aspek kesukarelawanan. Tingkah laku ini dimotivasikan oleh rasa belas kasihan terhadap kebajikan dan hak yang seharusnya dimiliki oleh individu lain. Berdasarkan penemuan kajian, tahap tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan adalah sederhana. Namun begitu, masih terdapat pelajar yang mempunyai tahap tingkah laku prososial yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa responden kajian masih mampu untuk bertingkah laku secara prososial kepada individu lain di sekeliling mereka ketika berada di universiti.

Namun begitu, tahap sederhana dan tahap rendah tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar ini boleh dipertingkatkan dengan memperbanyak program kesukarelawanan, kemasyarakatan dan program kesedaran hak-hak kemanusiaan di universiti agar pelajar lebih bersosial dengan individu lain, berempati dan sukarela dalam menghulurkan bantuan.

Perbincangan Perbezaan Tingkah Laku Prosocial Pelajar Universiti di Sebuah Sekolah Kejuruteraan Berdasarkan Jantina

Objektif kajian ketiga adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap tingkah laku prososial berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan. Hasil kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi tingkah laku prososial berdasarkan jantina dalam kalangan responden. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian oleh Azimpour (2012) yang menunjukkan tiada perbezaan signifikan dari segi tingkah laku prososial berdasarkan jantina.

Hal ini kemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor. Misalnya, Carlo dan Randall (2002) menyatakan bahawa jantina dan menolong mempunyai fungsi yang berbeza apabila bergantung kepada jenis bantuan yang diberikan. Sebagai contoh, pertolongan yang lebih bersifat kepahlawanan dan keberanian, lebih ditonjolkan oleh lelaki berbanding dengan perempuan. Manakala pertolongan yang melibatkan konteks dalam perhubungan lebih ditonjolkan oleh perempuan berbanding dengan lelaki. Kesimpulannya, tiada perbezaan yang signifikan dari segi tingkah laku prososial berdasarkan jantina dalam kalangan responden kajian.

Perbincangan Hubungan antara Empati dengan Tingkah Laku Prosocial Pelajar Universiti di Sebuah Sekolah Kejuruteraan

Objektif kajian yang terakhir adalah untuk mengenal pasti hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan yang telah dianalisis dengan menggunakan kolerasi Pearson ‘r’.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif antara dimensi “fantasi” dengan tingkah laku prososial. Hal ini selaras dengan dapatan kajian lepas tentang hubungan antara penghayatan dalam jalan cerita yang ditonjolkan dalam buku mengenai empati dengan tingkah laku prososial (Johnson, 2011). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan yang positif antara dimensi “fantasi” dan “keprihatinan emosi” dengan keyakinan pembacaan dan tingkah laku prososial yang akan ditonjolkan pada masa akan datang. (Johnson, 2011).

Hasil kajian ini juga selari dengan pernyataan Kidd dan Castano (2013) iaitu, antara kelebihan membaca bahan bacaan berunsur fiksiyen ini adalah mampu untuk meningkatkan keupayaan seseorang untuk mengenal pasti dan memahami emosi individu lain dan meningkatkan kemahiran dalam memahami perhubungan sosial yang rumit. Justeru, responden kajian yang terdiri daripada pelajar kejuruteraan digalakkan untuk meningkatkan pembacaan bahan berunsur fiksiyen bagi meningkatkan tahap pemahaman empati mereka yang seterusnya mendorong ke arah tingkah laku prososial.

Seterusnya, bertepatan dengan hipotesis ketiga, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara “pengambilan perspektif” dengan tingkah laku prososial dalam kalangan responden. Hasil kajian ini menunjukkan persamaan dapatan kajian dengan kajian lepas oleh Carlo et al. (2010) yang menunjukkan dimensi tersebut mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial. “Pengambilan perspektif” merupakan kecenderungan individu untuk mengambil kira pandangan daripada sudut psikologi individu lain secara spontan (Davis, 1980). Oleh sebab responden kajian cenderung mempunyai sifat empati ini, maka individu yang mempunyai sifat ini mampu bertingkah laku secara prososial dengan bersikap rasional dalam menerima dan memahami pandangan yang berbeza daripada individu lain.

Dimensi “keprihatinan emosi” juga mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar universiti di sebuah sekolah kejuruteraan. “Keprihatinan emosi” merupakan respon emosi seperti perasaan ambil berat apabila melihat individu lain yang memerlukan bantuan (Stocks, Lishner, Waits & Downum, 2011). Hasil kajian ini selaras dengan dapatan kajian lepas oleh Feldmanhall et al. (2014), berkaitan dengan hubungan antara sikap menolong dari segi kewangan dan subproses empati yang spesifik, iaitu “keprihatinan emosi”. Feldmanhall et al. (2014) mendapati bahawa dimensi “keprihatinan emosi” ini mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial ini.

Menurut Goleman dan Davidson (2017), “keprihatinan emosi” dapat membantu seseorang individu untuk mengambil berat terhadap kebajikan individu lain dan membantu mereka apabila mereka memerlukan bantuan. Oleh itu, dalam kajian ini, “keprihatinan emosi” turut memperoleh skor min yang tertinggi dan hal ini jelas menunjukkan bahawa responden bertindak untuk mempunyai perasaan ambil berat dan belas kasihan untuk bertingkah laku secara prososial.

Seterusnya, dimensi “kesusahan peribadi” menunjukkan hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial. Hasil kajian bertentangan dengan Feldmanhall et al. (2014) yang mendapati bahawa aspek “kesusahan peribadi” tidak mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial, khususnya yang melibatkan sumbangan wang ringgit. Menurut Davis (1980), “kesusahan peribadi” merupakan suatu aspek bagi mengukur perasaan diri sendiri yang berfokus terhadap kebimbangan peribadi dan kegelisahan diri apabila berada di dalam situasi yang tegang.

Justeru, penemuan kajian menunjukkan bahawa “kesusahan peribadi” sebenarnya mampu untuk bertingkah laku prososial dan membantu golongan yang memerlukan dalam kalangan responden kajian. Menurut Dovidio & Banfield (2015), rangsangan empati juga bermaksud emosi yang bertumpu kepada diri sendiri, seperti kesedihan atau “kesusahan peribadi”. Hal ini menjurus kepada tingkah laku prososial secara “egoistik”, iaitu dengan juga bertujuan meredakan emosi diri sendiri pada ketika itu secara meletakkan diri mereka ke dalam situasi individu lain.

Secara keseluruhan, penemuan kajian menunjukkan bahawa empati mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku prososial. Hasil kajian ini selaras dengan dapatan kajian oleh Lockwood, Seara-Cordoso dan Viding (2014) di mana terdapat hubungan signifikan yang positif antara empati dan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar dan komuniti setempat. Kebolehan berempati dalam kalangan manusia mampu mendorong kepada tindakan tingkah laku prososial, iaitu individu berasa peka terhadap kesusahan yang dialami oleh orang lain dan menginginkan kesejahteraan berlaku kepada diri mereka (Decety, Bartal, Uzevovsky & Knaf-Noam, 2015). Menurut Taylor (2012), kurangnya sifat empati dalam diri manusia mampu untuk menimbulkan kekejaman dan ketidakadilan dalam sesuatu perhubungan, manakala sifat empati mampu untuk mengurangkan konflik antara sesama manusia.

Kesimpulannya, semua dimensi empati, iaitu “fantasi”, “pengambilan perspektif”, “keprihatinan empati”, dan “kesusahan peribadi” mempunyai hubung kait dengan tingkah laku prososial pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan. Setiap dimensi empati tersebut memainkan peranan penting untuk mengenal pasti tingkah laku prososial seseorang individu.

Implikasi Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini, menunjukkan hubungan signifikan yang positif antara semua dimensi empati dengan tingkah laku prososial. Justeru, kajian ini secara tidak langsung telah memberi implikasi terhadap kepentingan ciri empati yang perlu ada dalam diri pelajar kejuruteraan yang berkait dengan tingkah laku prososial mereka. Hal ini amatlah penting bagi meningkatkan tingkah laku prososial dan seterusnya, membendung pelbagai konflik perhubungan yang berlaku melibatkan antara sesama individu.

Sebagai contoh, dimensi empati, iaitu “fantasi” yang banyak menekankan ciri empati yang boleh dipelajari dan dirasai melalui kaedah pembacaan buku, tontonan bahan digital seperti wayang, televisyen dan internet seperti *Youtube* yang popular pada masa kini. Jika bahan sebegini digunakan sebaiknya oleh responden kajian, maka ia bukan sahaja boleh memberikan pendedahan yang mempunyai nilai-nilai murni kepada masyarakat, bahkan impaknya mampu memberi kesedaran kepada responden kajian untuk mengamalkan nilai-nilai positif, khususnya bertingkah laku prososial dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, dimensi “pengambilan perspektif” juga dilihat mampu meningkatkan persefahaman antara sesama responden kajian apabila mempunyai sesuatu percanggahan pendapat. Hal ini disebabkan kehidupan pelajar di universiti yang tidak boleh mengelakkan diri daripada perbezaan pendapat, baik dalam persekitaran akademik mahupun kehidupan seharian mereka. Justeru, jika ramai pelajar yang menyedari akan kepentingan persefahaman dan tolak ansur dalam menerima pandangan orang lain, maka, secara tidak langsung wujudnya sikap saling hormat-menghormati dan tiada berlaku persengketaan. Oleh itu, menerusi kajian ini, responden mampu untuk meneliti kelemahan diri sendiri dan mengubahnya sebelum membawa kepada kesan yang lebih buruk. Justeru, persefahaman dan memahami pemikiran individu lain ini adalah penting bagi meningkatkan tingkah laku prososial dalam diri seseorang individu.

Selain itu, dimensi “keprihatinan empati” juga boleh memberi implikasi terhadap kepentingan kasih sayang dan sikap ambil berat sesama individu, khususnya dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Menurut McDonald dan Messinger (2010), ciri ini boleh dipupuk ke dalam diri seseorang individu melalui interaksi awal antara ibu bapa dan anak-anak yang mampu membantu meningkatkan kualiti empati. Secara tidak langsung, anak-anak akan mempunyai kesedaran yang tinggi untuk membantu orang lain yang memerlukan bantuan.

Oleh itu, kajian ini telah memberikan implikasi terhadap kepentingan empati yang berkaitan dengan tingkah laku prososial pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan. Sifat empati yang dimiliki tersebut diharapkan mampu membantu mereka untuk menyumbang kebaikan kepada orang lain sama ada dari sudut pemikiran dan tindakan.

Limitasi dan Cadangan Kajian

Antara limitasi yang terdapat dalam kajian ini adalah dari segi tahun pengajian responden yang hanya tertumpu kepada tahun empat sahaja, dan tidak melibatkan pelajar daripada tahun pengajian yang berbeza. Malahan, kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar dalam bidang kejuruteraan di salah sebuah sekolah kejuruteraan di sebuah universiti. Justeru, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar universiti yang mempunyai latar belakang dan persekitaran yang berbeza.

Terdapat beberapa cadangan kajian yang boleh dikemukakan yang diharapkan boleh membantu beberapa pihak yang dapat menerima manfaat daripada hasil kajian ini, iaitu pihak fakulti, khususnya disarankan untuk mempertingkatkan pelbagai aktiviti kebajikan dan kesukarelawanan berkala untuk disertai oleh para pelajar. Aktiviti-aktiviti ini diharapkan mampu meningkatkan sikap empati dalam diri

para pelajar dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Menurut Chambre (2008), tingkah laku prososial mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan aktiviti kesukarelawanan melalui aktiviti yang memupuk sifat mengambil berat, kehadiran ke program keagamaan, kewajipan kesukarelawanan dan moral serta memberi bantuan kewangan untuk kebajikan. Pendedahan sebegini juga amat baik bagi para pelajar, terutamanya yang mempunyai rekod kesalahan salah laku dari sudut tingkah laku.

Pihak fakulti juga disarankan untuk memberi penganugerahan kepada para pelajar yang banyak memberi komitmen dalam aktiviti atau program yang memberikan manfaat kepada masyarakat. Contohnya, program kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Berdasarkan Teori Pertukaran Sosial (*Social Exchange Theory*), keperluan kesukarelawanan ini dimotivasikan oleh kepentingan peribadi. Teori ini menjelaskan tentang sesuatu tindakan yang diberi ganjaran akan dapat meningkatkan kebarangkalian seseorang untuk turut membantu orang lain pada masa hadapan. Hal ini juga dapat mengurangkan kebimbangan peribadi seorang pemerhati (*bystanders*), membantu seseorang individu mendapatkan 'pengakuran sosial' dan meningkatkan nilai dalam diri (Raba'ah *et al.*, 2016). Seterusnya, hal ini dapat meningkatkan tingkah laku prososial pelajar pada masa akan datang dan seterusnya menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk mengikuti jejak langkah mereka.

Pihak fakulti juga digalakkan untuk mengadakan kolaborasi dengan pusat kaunseling di universiti dengan menganjurkan pelbagai program yang mampu memberikan kesedaran awal kepada pelajar terhadap kepentingan empati dalam interaksi sosial mereka dalam kehidupan seharian. Pelajar juga perlu didedahkan tentang kaedah untuk berempati dalam interaksi sosial mereka. Hal ini dapat meningkatkan tingkah laku baik pelajar dalam memberikan respon terhadap interaksi bersama rakan, dan seterusnya mampu mewujudkan sikap saling memahami antara satu sama lain. Tambahan lagi, hal ini dapat membantu pelajar untuk lebih mengambil berat terhadap isu sosial yang berlaku di sekitar kampus.

Bagi cadangan kajian lanjutan, pengkaji menyarankan agar kajian pada masa hadapan menggunakan pendekatan kaedah eksperimen bagi mengenal pasti kesan empati terhadap tingkah laku prososial pelajar universiti. Kaedah eksperimen yang menggunakan ujian pra dan ujian pos ini telah banyak dijalankan di luar negara dan kajian sebegini lebih mampu membuktikan keberkesanan perubahan tingkah laku prososial responden yang bakal dikaji secara lebih komprehensif.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar di salah sebuah sekolah kejuruteraan universiti. Hasil kajian ini juga telah berjaya menjawab semua objektif kajian. Pertama, tahap empati yang dimiliki oleh pelajar adalah tinggi bagi semua dimensi empati, iaitu "fantasi", "pengambilan perspektif", "keprihatinan empati", dan "kesusahan peribadi", dan empati secara keseluruhannya mempunyai tahap empati yang sederhana.

Selain itu, tahap tingkah laku prososial dalam kalangan responden juga dapat dikenal pasti, iaitu berada pada tahap sederhana. Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tingkah laku prososial berdasarkan jantina. Penemuan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif antara semua dimensi empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar universiti di salah sebuah sekolah kejuruteraan.

Rujukan

- Baldner, C., & McGinley, J. (2014). Correlational and Exploratory Factor Analyses (EFA) of Commonly Used Empathy Questionnaires: New Insights. *Motivation & Emotion*, 38(5), 727–744.
- Batson, D. (2011). *Altruism in Humans*. New York: Oxford University Press.
- Berkowitz, A. (2009). *Response Ability: A Complete Guide to Bystander Intervention*. Chicago, IL: Beck.
- Canney, N. E., & Bielefeldt, A., R. (2015). Gender Differences in the Social Responsibility Attitudes of Engineering Students and How They Change Over Time. *Journal of Women and Minorities in Science and Engineering*, 21(3), 215–237.
- Carlo, G., Mestre, V., Samper, P., & Tur-Porca, A. (2010). Feelings or Cognitions? Moral Cognitions and Emotions as Longitudinal Predictors of Prosocial and Aggressive Behaviors. *Personality and Individual Differences*, 48(8), 872–877.
- Carlo, G., & Randall, B. (2002). The Development of a Measure of Prosocial Behaviors for Late Adolescents. *Journal of Youth and Adolescence*, 31(1), 31–44.
- Chambre, S., & Einolf, C. (2010). Is Volunteering Work, Prosocial Behavior, or Leisure? An Empirical Study. In *Centre for Nonprofit Strategy and Management*. New York: The City University of New York.
- Christ, C., Carlo, G., & Stoltzberg, S. (2016). Oxytocin Receptor (OXTR) Single Nucleotide Polymorphisms Indirectly Predict Prosocial Behavior Through Perspective Taking and Empathic Concern. *Research Nebraska*, 84(2), 204–213.
- Copper, E. (2019). *How to Improve Empathy by Reading*. Retrieved from <https://owlcation.com/social-sciences/Reading-Fiction-Improves-Empathy>. Access on 18 November 2019
- Davis, M. H. (1980). *Empathy: A Social Psychological Approach*. New York: Routledge.
- Decety, J., Bartal, I. B.-A., Uzefovsky, F., & Nafo-Noam, A. (2015). Empathy as a Driver of Prosocial Behaviour: Highly Conserved Neurobehavioural Mechanisms Across Species. *Philosophical Transactions B*, 371(1686), 1–11.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=altruistik>.
- Dovidio, J., & Banfield, J. (2015). Prosocial Behavior and Empathy. *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences*, 216–220. doi: 10.1016/b978-0-08-097086-8.99027-5.
- Eberly-Lewis, M., & Coetzee, T. (2015). Dimensionality in Adolescent Prosocial Tendencies: Individual Differences in Serving Others Versus Serving the Self. *Personality and Individual Differences*, 82, 1–6.
- Futamura, I. (2018). Is Extraordinary Prosocial Behavior More Valuable than Ordinary Prosocial Behavior? *PLoS One*, 3(4), 1–14.
- Garcia S. M., Weaver K., Moskowitz G. B., & Darley J. M. (2002). Crowded Minds: The Implicit Bystander Effect. *Journal of Personality and Social Psychology*, 83(4).
- Goleman, D., & Davidson, R. (2017). *What Scientific Term or Concept Ought to be Widely Known*.
- Gupta, D., & Thapliyal, G. (2015). A Study of Prosocial Behaviour and Self Concept of Adolescents. *Journal on Educational Psychology*, 9(1), 38.
- Han, C. M. (2017). Individualism, Collectivism, and Consumer Animosity in Emerging Asia: Evidence from Korea. *Journal of Consumer Marketing*, 34(4), 359–370.
- Hanlon, B., & Larget, B. (2011). Retrieved from <http://pages.stat.wisc.edu/~st571-1/03-samples-4.pdf> Access on 15 November 2019
- Healey, M. L., & Grossman, M. (2018). Cognitive and Affective Perspective-Taking: Evidence for Shared and Dissociable Anatomical Substrates. *Frontiers in Neurology*, 9. doi: 10.3389/fneur.2018.00491.

- Hortensius, R., & Gelder, B. D. (2018). From Empathy to Apathy: The Bystander Effect Revisited. *Current Directions in Psychological Science*, 27(4), 249–256.
- Kidd, D. C., & Castano, E. (2013). Reading Literary Fiction Improves Theory of Mind. *Science*, 342(6156), 377–380.
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607–610.
- Kruglanski, A. W., & Stroebe, W. (2012). *Handbook of the History of Social Psychology*. New York: Psychology Press.
- Kumar, R. (2011). *Research Methodology (A Step-by-Step Guide for Beginners)* (3rd ed.). Delhi: SAGE Publications Ltd.
- Larson, E., B., & Yao, X. (2005). Clinical Empathy as Emotional Labor in the Patient-Physician Relationship. *The Patient-Physician Relationship*, 293(9), 1100-1106.
- Latane, B., & Darley, J. (1970). *The Unresponsive Bystander: Why doesn't He Help?* New York: Appleton-Century-Crofts.
- Lin-Healy, F., & Small, D. (2012). Cheapened Altruism: Discounting Personally Affected Prosocial Actors. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 117(2), 269–274.
- Lockwood, P., Seara-Cordoso, A., & Viding, E. (2014). Emotion Regulation Moderates the Association between Empathy and Prosocial Behavior. *PLoS ONE*, 9(5).
- McDonald, N., & Messinger, D. (2010). Retrieved from https://pdfs.semanticscholar.org/5c96/ad3a16efb7399632f2c37cd4a768a067d332.pdf?_ga=2.76861077.1826715709.1573909765-29462855.1573485268 Access on 2 October 2019
- Petry, A. F. (2017). *How Empathic Concern Helps Leaders in Crisis*. Retrieved from <http://www.keystepmedia.com/empathic-concern-leaders-crisis/>. Access on 2 October 2019
- Press, W. (2009). *Strong Profiling is not Mathematically Optimal for Discovering Rare Malfeasors*, 106.
- Puspita S. D., & Gumelar G. (2014). Pengaruh Empati terhadap Perilaku Prosocial dalam Berbagi Ulang Informasi atau Retweet Kegiatan Sosial di Jejaring Sosial Twitter. *Jurnal Penelitian dan Pengukuran Psikologi*, 3(1), 1-7
- Quince, T., Kinnersley, P., Hales, J., Silva, A. da, Moriarty, H., Thiemann, P., Hyde S., Brimicombe J., Wood D., Barclay M., & Benson, J. (2016). Empathy among Undergraduate Medical Students: A Multi-Centre Cross-Sectional Comparison of Students Beginning and Approaching the End of their Course. *BMC Medical Education*, 16(92), 1-10
- Raacke, J. B., & Raacke, J. D. (2014). *Research Methods: Are You Equipped*. Iowa, United States: Kendall Hunt Publishing Company.
- Raba'ah, H. S., Turiman Suandi, Arif, S. J., Arif, I. I., & Azimi, H. (2015). Understanding the Reasons for Malaysian Youth Participation in Volunteering Activities. *Athens Journal Of Social Sciences*, 3(1), 39–52.
- Rogers, C. (1951). *A Theory of Personality and Behavior*. London, Constable.
- Sadiq, B. (2017). *Encourage the Young Ones: Inspiring Students to Volunteer*. Retrieved from <https://blogs.volunteermatch.org/engagingvolunteers/2017/01/09/encourage-the-young-ones-inspiring-students-to-volunteer/>. Access on 11 September 2019
- Samuels, P. (2014). *Pearson Correlation* (pp. 1–4). Loughborough University Mathematics Learning Support Centre and Coventry University Mathematics Support Centre.
- Sax, L. J. (2004). *Citizenship Development and the American College Student* (Unpublished Master's Thesis). University of California.
- Shahirah Muhammad Nizam, Azlina Mohd Khir, & Nobaya Ahmad. (2018). Efikasi Kendiri dan Kecenderungan Tingkah Laku Prosocial dalam Kalangan Mahasiswa di Selangor. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 111-122.
- Solekhah, A. M., Atikah, T. P., & Istiqomah, M. (2018). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Sikap Empati terhadap Perilaku Prosocial pada Anak Sekolah Dasar*. In Penguatan Pendidikan Karakter pada Siswa dalam Menghadapi Tantangan Global (pp. 86–90). Semarang, Indonesia: Universitas Negeri Semarang.
- Stocks, E., Lishner, D., & K. Decker, S. (2009). *Altruism or Psychological Escape: Why Does Empathy Promote Prosocial Behavior?* 39, 649-665
- Stocks, E. L., Lishner, D. A., Waits, B. L., & Downum, E. M. (2011). I'm Embarrassed for you: The Effect of Valuing and Perspective Taking on Empathic Embarrassment and Empathic Concern. *Journal of Applied Social Psychology*, 41,1-26.
- Tagar, Y. (2014). Methodical Empathy Part I: Background and Origin of Empathy. *Vitalita Magazine*, 54-55.
- Taherdoost, H. (2016). Sampling Method in Research Methodology: How to Choose a Sampling Technique for Research. *SSRN Electronic Journal*, 5(2), 18–27.
- Taylor, S. (2012). *Empathy: The Ability that Makes Us Truly Human*. Retrieved from <https://www.psychologytoday.com/us/blog/out-the-darkness/201203/empathy-the-ability-makes-us-truly-human>. Access on 10 November 2019
- Zuchdi, D. (2016). Empati dan Keterampilan Sosial. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*2016(1), 49-64. doi: 10.21831/cp.v1i1.8671